

21/11/2000

Semua negara wajar dapat manfaat globalisasi

PERCANGGAHAN pendapat mengenai fenomena globalisasi amat ketara. Terbaru, ia berlaku dalam sidang kemuncak Ketua Eksekutif Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac) di Bandar Seri Begawan minggu lalu antara Bill Clinton dan Jiang Zemin. Sambil Presiden Amerika Syarikat itu menekankan kejayaan sesebuah negara dalam era globalisasi bergantung kepada cara ia memanfaatkan kelebihan yang dimilikinya, rakan sejawatannya dari China pula berpendapat globalisasi ekonomi dunia perlu menjurus ke arah penyatuan negara maju dan sedang membangun bagi mewujudkan kestabilan yang membawa kemakmuran bersama.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula mendedahkan strategi sesetengah negara Barat untuk menguasai ekonomi dunia dengan menyogokkan kepercayaan bahawa globalisasi adalah sesuatu yang tidak boleh disekat. Seboleh-bolehnya negara Barat mahukan konsep globalisasi yang diketengahkan memenuhi keperluan mereka semata-mata.

Sewajarnya semua aspek berkaitan proses globalisasi ekonomi dunia perlu dikaji semula sambil memperkukuhkan sistem pelaksanaan dan pengurusan yang memanfaatkan. Sekalipun globalisasi menyediakan banyak peluang perniagaan baru, pada masa yang sama ia mencetuskan persaingan keupayaan, perubahan inovasi teknologi, putaran produk yang singkat dan aliran modal cepat. Apa yang perlu ialah globalisasi ekonomi yang menguntungkan semua dengan menampilkan kesaksamaan, kesamarataan dan kewujudan bersama di kalangan semua negara.

(END)